

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK	VERSI BAHASA MALAYSIA														
<p><b>PERINGATAN:</b> Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani di bawah. Sekiranya terdapat terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini yang tidak difahami oleh anda, dapatkan nasihat daripada pihak berkecuali dan/atau berbincang lebih lanjut dan dapatkan penjelasan lanjut daripada Bank.</p>	<p><b>Bank :</b> <b>Affin Bank Berhad</b>  <b>Skim :</b> <b>Skim Pembiayaan AFFINGEM</b></p> <p><b>Tarikh dikeluarkan kepada Pelanggan:</b></p> <hr/> <p>(hendaklah dilengkapkan semasa permohonan)</p>														
<b>1. Apa yang ditawarkan oleh produk ini?</b>															
<p><b>Skim Pembiayaan AFFINGEM</b> adalah skim pembiayaan khusus yang ditawarkan kepada Usahawan Wanita; perniagaan yang dimiliki atau dikawalselia oleh wanita untuk mendapatkan pembiayaan yang kompetitif bagi tujuan modal kerja dan/atau perbelanjaan modal (CAPEX). Pembiayaan ini adalah tanpa cagaran (sehingga RM1 juta) dengan pilihan bagi pembiayaan banka dan pengurangan bagi kos-kos sampingan daripada had kemudahan yang diluluskan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Skim pembiayaan ini dijamin oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP). Walaubagaimanapun, cagaran mungkin akan dikenakan bagi pembiayaan yang melebihi RM1 juta (pembiayaan maksimum bagi syarikat pemula niaga adalah sehingga RM300,000).</li> <li>• Untuk Miliikan Tunggal, Syarikat mesti dimiliki dan dikawalselia oleh wanita dengan kewarganegaraan Malaysia, dan untuk Perkongsian, Perkongsian Liabiliti Terhad dan Sendirian Berhad, 51% saham mesti dimiliki dan dikawalselia oleh wanita dengan kewarganegaraan Malaysia.</li> </ul>															
<b>2. Apakah yang boleh saya perolehi dari produk ini?</b>															
<p><b>PINJAMAN BERTEMPOH</b></p> <table border="1"> <tr> <td>Amaun Pinjaman</td><td>RM1,000,000</td></tr> <tr> <td>Kadar Efektif</td><td>KPA + 1.00% setahun</td></tr> <tr> <td>Tempoh Pinjaman</td><td>Sehingga 7 tahun</td></tr> </table>		Amaun Pinjaman	RM1,000,000	Kadar Efektif	KPA + 1.00% setahun	Tempoh Pinjaman	Sehingga 7 tahun								
Amaun Pinjaman	RM1,000,000														
Kadar Efektif	KPA + 1.00% setahun														
Tempoh Pinjaman	Sehingga 7 tahun														
<p><b>OVERDRAF*</b></p> <table border="1"> <tr> <td>Had Kemudahan yang Diluluskan</td><td>RM100,000</td></tr> <tr> <td>Faedah</td><td>KPA + 1.10% setahun</td></tr> <tr> <td>Kadar Pinjaman Efektif</td><td>7.91% setahun</td></tr> <tr> <td>Jumlah Penggunaan</td><td>RM20,000</td></tr> <tr> <td>Bil. Hari Penggunaan</td><td>30 hari</td></tr> <tr> <td>Fi Komitmen</td><td>1.0% setahun pada jumlah yang tidak digunakan</td></tr> <tr> <td>Faerah yang dikenakan pada Bulan tersebut</td><td>Kadar Efektif ke atas jumlah yang digunakan (<math>RM20,000 \times 7.91\% \text{ setahun} \times 30/365</math>)  = RM130.03  Fi Komitmen (<math>RM80,000 \times 1.0\% \times 30/365</math>) = RM65.75  Total = RM195.78</td></tr> </table>		Had Kemudahan yang Diluluskan	RM100,000	Faedah	KPA + 1.10% setahun	Kadar Pinjaman Efektif	7.91% setahun	Jumlah Penggunaan	RM20,000	Bil. Hari Penggunaan	30 hari	Fi Komitmen	1.0% setahun pada jumlah yang tidak digunakan	Faerah yang dikenakan pada Bulan tersebut	Kadar Efektif ke atas jumlah yang digunakan ( $RM20,000 \times 7.91\% \text{ setahun} \times 30/365$ ) = RM130.03 Fi Komitmen ( $RM80,000 \times 1.0\% \times 30/365$ ) = RM65.75 Total = RM195.78
Had Kemudahan yang Diluluskan	RM100,000														
Faedah	KPA + 1.10% setahun														
Kadar Pinjaman Efektif	7.91% setahun														
Jumlah Penggunaan	RM20,000														
Bil. Hari Penggunaan	30 hari														
Fi Komitmen	1.0% setahun pada jumlah yang tidak digunakan														
Faerah yang dikenakan pada Bulan tersebut	Kadar Efektif ke atas jumlah yang digunakan ( $RM20,000 \times 7.91\% \text{ setahun} \times 30/365$ ) = RM130.03 Fi Komitmen ( $RM80,000 \times 1.0\% \times 30/365$ ) = RM65.75 Total = RM195.78														
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Caj Kadar Faerah bagi kemudahan overdraf disandarkan kepada Kadar Pinjaman Asas (KPA).</li> <li>• Faerah dikira pada baki harian Overdraft (jumlah yang telah digunakan) dan akan dipaparkan di dalam penyata bank setiap akhir bulan. Berikut merupakan formula bagi pengiraan kadar faerah:  Kadar yang dikenakan = Amaun yang digunakan x Kadar Faerah x Bilangan Hari / 365 Hari + Fi Komitmen</li> </ul>															
<p><b>Note:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Maklumat dan pengiraan di atas adalah untuk tujuan <b>ILUSTRASI</b> sahaja.</li> <li>ii. Kadar Pinjaman Asas (KPA) adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan KPA semasa Bank adalah 6.81% setahun.</li> <li>iii. *Kemudahan Overdraft adalah untuk perniagaan yang beroperasi 3 tahun dan ke atas.</li> </ol>															
<b>3. Apakah kewajipan saya?</b>															
<p><b>PINJAMAN BERTEMPOH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah Pinjaman: <b>RM1,000,000</b></li> <li>• Tempoh Pinjaman: <b>7 tahun</b></li> <li>• Ansuran Bulanan: <b>RM15,491.72</b></li> <li>• Jumlah Bayaran Balik pada akhir Tahun ke 7: <b>RM1,301,304.75</b></li> </ul>															

**Penting:**

Ansuran bulanan, jumlah faedah dan jumlah bayaran balik anda akan berubah mengikut perubahan Kadar Pinjaman Asas (KPA).

Kadar	Kadar Efektif adalah 7.81% (KPA + 1.00%) KPA = 6.81%	Jika KPA naik 1% setahun	Jika KPA naik 2% setahun
Ansuran Bulanan	RM15,491.72	RM15,992.82	RM16,503.18
Jumlah faedah pada akhir tahun ke 7	RM301,304.75	RM343,396.92	RM386,266.76
Jumlah bayaran balik pada akhir tahun ke 7	RM1,301,304.75	RM1,343,396.92	RM1,386,266.76

- Faedah dikira berdasarkan kiraan bulanan.
- Kadar Faedah Efektif boleh berubah daripada kadar asal seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran disebabkan oleh peningkatan pada KPA (KPA akan berubah sewajarnya seperti yang diterbitkan oleh Bank dari semasa ke semasa)

**OVERDRAF**

- Anda dikehendaki membayar faedah bulanan.
- Fasiliti Overdraft ini adalah tertakluk kepada semakan berkala. Oleh itu, keseluruhan jumlah Overdraft yang belum dijelaskan (jumlah prinsipal distambah faedah yang dikenakan) perlu dibayar dengan serta-merta selepas kemudahan ditarik oleh pihak Bank.

**Penting:**

Faedah dan jumlah keseluruhan faedah yang dikenakan kepada anda akan berubah mengikut perubahan Kadar Pinjaman Asas (KPA).

Kadar	Semasa (KPA 6.81% setahun)	Jika KPA naik 1% setahun	Jika KPA naik 2% setahun
Kadar Pinjaman Asas (KPA)	6.81%	7.81%	8.81%
Kadar Pinjaman Efektif	7.91%	8.91%	9.91%
Faedah yang dikenakan pada bulan tersebut	RM130.03	RM146.47	RM162.90
Fi Komitmen	RM65.75	RM65.75	RM65.75
Jumlah faedah yang dikenakan pada bulan tersebut	RM195.78	RM212.22	RM228.65

- Faedah dikira berdasarkan kiraan harian.
- Terma dan Syarat lain adalah seperti di Surat Tawaran.

**Note:** Maklumat dan pengiraan di atas adalah untuk tujuan **ILUSTRASI sahaja**.

**4. Apakah yuran dan caj saya perlu bayar?**

No.	Jenis Fi	Butiran
1.	Duti Setem	Seperti Akta Setem Duti 1949 (Pindaan 1989) dan akan ditanggung oleh Pelanggan
2.	Fi Guaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fi Guaman terhadap peguam cara untuk menyelesaikan Dokumen Sekuriti sebelum pelepasan kemudahan</li> <li>• Fi Guaman terhadap peguam cara akan ditanggung oleh Pelanggan (jika ada).</li> </ul>
3.	Fi Pengeluaran / Fi Pemprosesan	Tiada fi pengeluaran atau fi pemprosesan
4.	Fi Jaminan (jika ada)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fi jaminan akan dikenakan oleh SJPP dan dibayar terlebih dahulu pada setiap tahun</li> <li>• Fi akan ditanggung oleh Pelanggan (tidak terpakai bagi syarikat pemula niaga).</li> <li>• Kuantum fi adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh SJPP</li> </ul>
5.	Fi Fasiliti / Fi Tahunan / Lain-Lain Fi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada sebarang fi akan dikenakan kepada Pelanggan SME</li> <li>• Sehingga 5.0% dari had yang diluluskan akan dikenakan kepada Pelanggan Komersial</li> </ul>
6.	Fi Komitmen	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk kemudahan Overdraft sahaja</li> <li>• 1.0% setahun untuk amaun yang tidak digunakan</li> </ul>

**Nota:**

Sila rujuk Surat Tawaran Bank untuk sebarang fi dan caj lain.

## 5. Bagaimana bayaran akan dibuat?

### PINJAMAN BERTEMPOH

- Pinjaman bertempoh akan dikeluarkan secara sekaligus atau secara berperingkat mengikut pembiayaan yang diluluskan.
- Sila pastikan terdapat baki akhir yang mencukupi di dalam Akaun Semasa bagi pembayaran balik pinjaman bertempoh.

### OVERDRAF

- Kemudahan Overdraft akan disediakan untuk kegunaan anda dengan menandakan had yang diluluskan ke Akaun Semasa dengan Bank.
  - Sila pastikan penggunaan kemudahan Overdraft adalah pada setiap masa dan dalam had yang diluluskan.
- i. Semua dokumen yang berkenaan dengan pembukaan akaun akan disediakan dan ditandatangani oleh Pelanggan termasuk tetapi tidak terhad kepada perakuan Akta Pematuhan Cukai Akaun Luar Negeri (FATCA) / Standard Laporan Deklarasi (CRS).
  - ii. Penolakan akan dilakukan terhadap kemudahan anda yang telah diluluskan untuk pengeluaran kepada pihak berkepentingan, di mana terpakai, seperti pembayaran kos sampingan contohnya fi guaman, duti setem, fi jaminan dan cukai sebelum baki kemudahan diberikan kepada anda. Anda boleh memilih untuk berkecuali daripada membayai kos-kos tersebut.
  - iii. Sekiranya kemudahan dibatalkan atau digugurkan atas apa-apa sebab sama ada sebelum atau selepas selesai dokumentasi undang-undang, semua kos, perbelanjaan dan fi termasuk tetapi tidak terhad kepada fi guaman, duti setem, fi jaminan, cukai dan apa-apa perbelanjaan saku yang berkaitan dengan rundingan, penyediaan atau penyempurnaan kemudahan akan ditanggung dan perlu dibayar oleh Pelanggan atas dasar ganti rugi sepenuhnya bersama-sama dengan faedah dari tarikh kos dan perbelanjaan ditanggung.

## 6. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi syarat yang diperuntukkan?

Syarat	Keterangan
Bayaran Lewat	Sekiranya pembayaran ansuran dan faedah selepas tamat tarikh tempoh, caj lewat bayar sebanyak 1.0% setahun akan dikenakan untuk caj bayaran lewat / pembiayaan ansuran untuk tempoh bayaran lewat. Pihak Bank mempunyai hak untuk mendebit akaun Pelanggan secara automatik untuk faedah kelewatan.
Fi Pentadbiran	Bayaran pentadbiran standard sebanyak RM10.00 akan dikenakan pada tarikh pembayaran yang dijadualkan sekiranya arahan pembayaran tetap tidak berjaya disebabkan dari dana yang tidak mencukupi dalam akaun Pelanggan.
Kadar Keingkaran	Jika Pelanggan ingkar terhadap Kemudahan seperti yang dinyatakan dalam dokumen keselamatan / Perjanjian Kemudahan, Bank berhak untuk mengenakan kadar faedah pada kadar KPA + 3.50% setahun (untuk syarikat pemula niaga, BLR + 10.00% setahun) atau kadar lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa ke atas keseluruhan amanu tertinggal tertakluk kepada pemberian notis secara bertulis kepada Pelanggan terlebih dahulu sebanyak dua puluh satu (21) hari kalender.
Hak untuk memulakan pemulihan atau Tindakan undang-undang	Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda dan penjamin jika anda gagal menjawab notis peringatan. Tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin yang boleh menjelaskan penarafan kredit anda menyebabkan penarafan kredit menjadi lebih sukar atau mahal. Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pemulihan (termasuk berurusan dengan agensi kutipan hutang), prosiding dan muflis.

## 7. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

### PINJAMAN BERTEMPOH

Pelanggan hendaklah memberikan Bank tiga (3) bulan notis bertulis atau apa-apa tempoh lain yang diluluskan oleh Bank dengan menyatakan jumlah yang perlu dibayar terlebih dahulu dan tarikh prabayar tersebut, dan sekiranya gagal, faedah tiga (3) bulan sebagai ganti akan dikenakan.

### OVERDRAF

- Tiada tarikh matang untuk kemudahan Overdraft.
- Sekiranya anda ingin membatalkan kemudahan Overdraft anda, penyelesaian boleh dilakukan secara notis bertulis kepada Bank bersama-sama dengan pembayaran balik baki tertinggal dan faedah Overdraft tersebut.
- Tiada sebarang penalti akan dikenakan terhadap pembatalan had yang telah diluluskan di mana ia bermaksud penyelesaian baki tertinggal dan faedah Overdraft tersebut.

**8. Adakah saya perlu melanggan perlindungan insurans?**

- Pelanggan adalah digalakkan untuk mengambil insurans hayat untuk melindungi nyawa pengarah atau pemilik atau penjamin atau pemegang saham dengan rangkaian pilihan Insurans yang disyorkan oleh Bank.
- Walaubagaimanapun, Pelanggan bebas untuk menggunakan perkhidmatan dari mana-mana syarikat Insurans pilihan Pelanggan yang menawarkan perlindungan yang memadai atas risiko-risiko seperti yang mungkin diperlukan dan ditentukan oleh pihak Bank.

**9. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?**

Adalah penting bahawa Pelanggan memaklumkan kepada Bank (notis secara bertulis untuk dihantar ke cawangan pemegang akaun) mengenai sebarang perubahan terhadap maklumat peribadi Pelanggan bagi memastikan bahawa semua surat-menyerat sampai kepada Pelanggan tepat pada masanya.

**10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- Jika anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi pihak Bank dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif lain pembayaran.
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda diminta mengisi borang "Borang Maklum Balas" yang boleh didapati di laman sesawang [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com) yang akan dihantar ke Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi. Anda juga boleh menghubungi pihak Bank di:

**Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi**

Tingkat 9, Menara Affin,  
Lingkaran TRX,  
Tun Razak Exchange  
55188 Kuala Lumpur

Telefon : 03-8230 2222  
E-mel : [yourvoice@affingroup.com](mailto:yourvoice@affingroup.com)  
Laman Web : [www.Affinalways.com](http://www.Affinalways.com)  
[www.affingroup.com](http://www.affingroup.com)

- Secara alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula hutang untuk individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Agenzi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**

Level 5 and 6, Menara Aras Jaya,  
(Formerly known as Menara Bumiputra-Commerce),  
Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.

Telefon : 03-2616 7766  
Fax : 03-2616 7601  
E-mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)  
Waktu Urusan : 9:00 pagi – 5:00 petang  
(Isnin – Jumaat)

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) di:

**Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) (664393P)  
(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)**

Tingkat 14, Blok Utama,  
Menara Takaful Malaysia No. 4,  
Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur

Telefon : 603 – 2272 2811  
Fax : 603 – 2272 1577  
E-mel : [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)  
Laman Web : [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Bank Negara Malaysia Link di



**BNMLINK,**  
**Bank Negara Malaysia**  
**P.O Box 10922**  
**50929 Kuala Lumpur**  
**Telefon** : 1-300-88-5465  
**Faks** : 03-21741515  
**E-LINK** : <https://bnmlink.bnm.gov.my/>

**11. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk kami, sila kunjungi kami di Cawangan AFFIN Bank berdekatan anda atau Pusat Perniagaan atau Saluran Lansung atau layari [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com) untuk maklumat lanjut.

**12. Paket lain yang ditawarkan?**

Sila berhubung dengan Pengurus Perhubungan berkenaan atau sila lawati cawangan AFFIN Bank berdekatan atau Pusat Perniagaan atau layari [www.AffinAlways.com](http://www.AffinAlways.com) untuk maklumat lebih lanjut.

**NOTA PENTING:**

**HARTA ANDA MUNGKIN AKAN DIRAMPAS SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK PEMBIAYAAN ANDA. TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN ATAS KEMUDAHAN MODAL KERJA ANDA.**

*Maklumat yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan ini sah dari 29 Mei 2024*

Saya / Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya / kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya / kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :